

Penerima bantuan zakat meningkat setiap tahun, 206,000 orang tahun 2022

## Ramai jadi 'asnaf segera'

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Trend penerima bantuan zakat meningkat dalam setiap kategori kumpulan asnaf yang direkodkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) terutama selepas pandemik Covid-19.

Mengikuti rekod pada tahun 2019, jumlah penerima bantuan adalah seramai 128,000 orang, meningkat kepada 201,000 orang pada 2020 dan seterusnya bertambah kepada 206,000 orang sehingga 2022 di Wilayah Persekutuan merangkumi 30 skim bantuan zakat.

Dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini pula, sejumlah 75,174 asnaf layak menerima bantuan dengan tiga bentuk penyaluran bantuan iaitu secara tunai, secara terus kepada asnaf atau bantuan berbentuk barangan, peralatan, perkhidmatan atau manfaat.

Bilangan asnaf setiap tahun akan meningkat bermula Julai dan Ogos apabila pembayaran bantuan am persekolahan mula



**PENULARAN** pandemik Covid-19 mengakibatkan impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah.

dibayar kepada pelajar sedia ada berjumlah 32,000 orang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pusat Pungutan Zakat (PPZ)-MAIWP, Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, peningkatan itu berlaku ekoran penularan Covid-19 yang melanda dunia yang mana ramai

menjadi 'asnaf segera' mengakibatkan impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah.

"Sikap dan pemikiran asnaf yang sukar berubah, tiada daya usaha dan bergantung sepenuhnya kepada bantuan zakat turut menyumbang kepada peningkatan penerima bantuan

dalam kalangan ketua keluarga berusia muda.

"Bagaimanapun, MAIWP kini mempunyai ekosistem baik dalam mengupayakan pembangunan sosioekonomi ummah. Kesemua ini berpunca daripada kekuatan dan keutuhan dana zakat yang dimiliki," katanya di

sini semalam.

Abdul Aziz berkata, setiap tahun MAIWP sentiasa menambah baik pengagihan zakat serta merangka pelbagai inisiatif baharu dalam memastikan dana zakat diagihkan semaksimum mungkin.

Mengikuti rekod, agihan zakat MAIWP pada tahun 2019 ialah sebanyak RM631.33 juta; meningkat kepada RM864.9 juta pada tahun 2020 dan RM1.08 bilion pada tahun 2021.

Pada tahun ini, MAIWP memperuntukkan sebanyak RM700 juta untuk diagihkan kepada asnaf meliputi RM304 juta bagi bantuan berbentuk bulanan seperti bantuan kewangan, sewa rumah dan bantuan perubatan manakala bakinya bersifat *one off* tertakluk kepada keperluan asnaf seperti penyelesaian hutang dan pendidikan.

Namun, menurut beliau, kadar bantuan yang diberikan tertakluk kepada perkiraan had kifayah ditetapkan tidak termasuk jumlah bantuan persekolahan anak, perubatan dan lain-lain bantuan yang disalurkan secara tahunan kepada asnaf.

"Sebagai contoh kadar bantuan layak diterima seorang ketua keluarga daripada kategori miskin sebanyak RM1,250 meliputi bantuan bulanan RM600, bantuan keperluan asas RM150 dan bantuan sewa rumah RM500.

"Sekiranya asnaf mempunyai tanggungan yang bersekolah atau yang sakit, mereka boleh memohon bantuan persekolahan dan bantuan perubatan," katanya.

Jelasnya, antara inisiatif baharu program agihan MAIWP adalah menjalinkan kerjasama strategik bersama Permodalan Nasional Berhad (PNB) melalui dana Tabung Amanah Saham Bumiputera melibatkan perbelanjaan sebanyak RM20 juta iaitu peruntukan RM15 juta daripada MAIWP dan PNB sebanyak RM5 juta kepada 5,000 ketua keluarga untuk tempoh lima tahun.

Selain itu, MAIWP juga melaksanakan kerjasama strategik bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan menyalurkan dana berbentuk simpanan kepada anak-anak penerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIWP seawal usia satu tahun bermula 2022 hingga 2026 sebanyak RM5,000 setiap seorang kepada 1,000 orang anak asnaf secara *one-off* dengan peruntukan RM25 juta bagi tempoh lima tahun.